



## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

### PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2010/2011

NAMA MATA PELAJARAN : TEKNOLOGI MAKLUMAT  
DAN APLIKASI MULTIMEDIA

KOD MATA PELAJARAN : BBG 22103

KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN  
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER / DISEMBER 2010

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN DI  
BAHAGIAN A DAN JAWAB **TIGA**  
SOALAN SAHAJA DI BAHAGIAN  
B DI DALAM BUKU JAWAPAN  
YANG DISEDIAKAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LIMA MUKA SURAT

BAHAGIAN A

- S1 Penggunaan Teknologi Maklumat dalam dunia pendidikan boleh dibahagikan kepada dua kategori. Jelaskan kategori-kategori tersebut.  
( 4 markah )
- S2 Senaraikan aplikasi utama Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor (MSC)*). Jelaskan aplikasi tersebut yang berkaitan dengan dunia pendidikan.  
( 4 markah )
- S3 Nyatakan jenis-jenis storan dan jelaskan maksud storan-storan tersebut.  
( 4 markah )
- S4 Nyatakan dua sebab mengapa kita perlu membuat *Disk Defragmentar*.  
( 4 markah )
- S5 Apakah yang dimaksudkan dengan rangkaian komputer ? Nyatakan tiga jenis rangkaian komputer.  
( 4 markah )
- S6 Nyatakan kelebihan-kelebihan Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK).  
( 4 markah )
- S7 Jelaskan dua kriteria yang perlu difikirkan oleh guru sebelum memilih sesuatu perisian untuk pengajaran dan pembelajaran.  
( 4 Markah )
- S8 Multimedia adalah gabungan pelbagai media. Jelaskan empat daripada elemen multimedia yang anda ketahui.  
( 4 Markah )

- S9 Hipermedia dan Hiperteks adalah merupakan konsep yang perlu diketahui apabila membincangkan mengenai multimedia. Jelaskan konsep-konsep tersebut.  
( 4 Markah )
- S10 Berpandukan kepada satu model reka bentuk pengajaran, terangkan langkah-langkah yang perlu diikuti apabila membina perisian multimedia pendidikan.  
( 4 Markah )

BAHAGIAN B

- S11 Mel elektronik atau *e-mail* ialah satu kemudahan yang ditawarkan oleh internet.
- (a) Jelaskan maksud mel elektronik atau *e-mail*.  
( 4 markah )
- (b) Apakah kriteria yang perlu dipenuhi sebelum komputer anda dapat menghantar dan menerima mel elektronik?  
( 4 markah )
- (c) Apakah syarat yang mesti dipatuhi sebelum menggunakan *e-mail*?  
( 4 markah )
- (d) Berikan dua contoh penggunaan *e-mail* yang dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran.  
( 8 Markah )
- S12 Penggunaan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK) telah meluas digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan institusi pengajian tinggi.
- (a) Jelaskan dua komponen asas yang perlu ada dalam setiap perisian kursus PPBK.  
( 4 Markah )
- (b) Senaraikan kebaikan PPBK menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) 2001.  
( 6 Markah )
- (c) Jelaskan dengan menggunakan contoh, dua penggunaan PPBK dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan kaedah atau strategi pengajaran yang tertentu.  
( 10 Markah )
- S13 Aspek penilaian dan pemilihan perisian Pengajaran dan Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK) merupakan perkara yang amat penting
- (a) Terangkan maksud penilaian perisian PPBK.  
( 4 Markah )
- (b) Jelaskan dua bentuk penilaian perisian PPBK.  
( 6 Markah )

- (c) Huraikan dengan memberi contoh, kedua-dua bentuk penilaian yang dijelaskan dalam (b).  
( 10 Markah )

S14 Grafik didefinisikan sebagai sebuah lukisan, gambar ataupun huruf yang dihasilkan dengan menggunakan media tertentu seperti berus, pen, dan pensel.

- (a) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan grafik digital ?  
( 4 Markah )

- (b) Jelaskan kategori bagi grafik digital.  
( 6 Markah )

- (c) Terangkan langkah-langkah yang perlu anda lakukan dalam mereka bentuk antara muka perisian multimedia menggunakan perisian *graphic editing*.  
( 10 Markah )

S 15 Video digital semakin popular dan digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan.

- (a) Jelaskan kelebihan-kelebihan yang ditawarkan oleh video digital.  
( 4 Markah )

- (b) Walaupun video digital menjanjikan kualiti paparan yang lebih baik berbanding video analog, kualiti video digital juga boleh dipengaruhi faktor lain. Jelaskan faktor-faktor tersebut.  
( 8 Markah )

- (c) Saiz fail video biasanya adalah besar. Terangkan dua kaedah pemadatan video yang boleh mengatasi masalah saiz fail tersebut.  
( 8 Markah )